

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HIT 304 Tinjauan Pemikiran Ahli-Ahli Falsafah Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan bahawa:

"Hikmat/Falsafah Ketimuran (al-Hikmat al-Mashriqiyyah) seperti yang dibicarakan oleh Ibn Sina (umpamanya, di dalam Risālat al-Tayr) di peringkat akhir hayatnya dapat disimpulkan sebagai falsafah mengenai pencarian kebenaran dan makna hidup yang hakiki."

2. Haiy' Ibn Yaqzān mendemonstrasikan prinsip pegangan hidup wakilan kumpulan ahli-ahli fiqh dan ahli-ahli sufi. Bincangkan.

3. Al-Fārābī telah diberi gelaran Guru Kedua. Jelaskan bagaimana gelaran ini boleh diberikan kepadanya. Jawapan anda mestilah disertakan dengan contoh yang konkrit.

4. Bincangkan secara kritis pendirian al-Ghazzāli mengenai 'ulamā-'ulamā fiqh, kalām, tasauwuf dan falsafah seperti yang terdapat di dalam karya-karyanya.

5. Dengan merujuk kepada beberapa karya tertentu karangan Muhyi al-Dīn ibn 'Arābī, bahaskan ajarannya mengenai fungsi fakulti imaginasi dalam kehidupan manusia pada peringkat peribadi dan pada peringkat perhubungan dengan Ilahi.

.../2

6. Bincangkan dan bandingkan secara kritis pandangan Mulla Ṣadra dan Muhyi al-Din 'Arābī tentang konsep dan herarki Wujud. Perbincangan anda mesti disertakan dengan contoh-contoh yang jelas.
7. Pilih dua [2] sahaja dan bincangkan:
- (a) Farīdat al-Farā'id oleh Sheikh Ahmad al-Faṭānī.
 - (b) Pandangan Ibn Khaldūn tentang agama dan politik atau tentang masyarakat dan negara.
 - (c) Perbezaan/persamaan pandangan Mu'tazilah dan Ash'ariyah.
 - (d) Konsep pendidikan Ikhwān al-Ṣafā.

-oooOOooo-